

Kenyataan tidak berasas

Bentong : Nafi dakwaan Mahathir yang mengatakan MH370 diambil alih dari dari jauh

Kementerian Pengangkutan menafikan dakwaan bahawa penerbangan MH370 mungkin diambil alih dari jauh menghidupkan kembali satu daripada teori konspirasi berhubung kehilangan misteri berkenaan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengerusi Bersatu, Tun Dr Mahathir Mohamad adalah tidak benar dan menyifatkan kenyataan berkenaan sebagai teori tidak berasas.

“Tuduhan sedemikian oleh Tun Mahathir adalah tidak benar dan perkara ini pastinya akan memberi kesan dan mendatangkan tekanan kepada waris dan keluarga mangsa tragedi ini.” Saya meminta orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi berkenaan tentang MH370. Kita patut meletakkan kepentingan dan perasaan waris agar tidak mereka tidak kecewa dan dapat bersabar dengan pasukan pencarian kita,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media dalam Karnival MOT di padang Tras di sini semalam yang turut dihadiri Pegawai Daerah Bentong, Datuk Azhar Arshad dan Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Bentong (MPB), Mohammad Shahid Ismail.

Dalam pada itu, Mahathir dalam satu wawancara dengan akhbar The Australian sebelum ini memberitahu pesawat itu mungkin dikawal dari jauh. Dalam pada itu, Tiong Lai berkata kerajaan sentiasa komited dalam misi pencarian MH370 dan pencarian kini diteruskan oleh Ocean Infinity di selatan Lautan Hindi.

Menurutnya, selagi tiada bukti kukuh daripada bangkai mahupun kotak hitam pesawat, adalah tidak wajar bagi sesiapa membuat kesimpulan berdasarkan teori konspirasi tidak berasas. “Misi pencarian MH370 selama 90 hari masih mengikut jadual operasi pencarian di kawasan seluas 25,000 kilometer persegi di selatan Lautan Hindi.

Ocean Infinity Ltd melalui Vessel Civil Construction telah dua bulan mencari MH370, malangnya sehingga kini belum dijumpai tetapi kita yakin dan berharap dalam tempoh akhir sebulan ini kita akan jumpa MH370 ini,” katanya.

SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 20 | 20 MAC 2018